

Dr M pertama buka akaun

# Bank bukti ajaran Islam

**KUALA LUMPUR, Jumaat.** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penubuhan Bank Islam adalah satu usaha untuk membuktikan bahawa operasi bank cara Islam boleh memainkan tugas dalam ekonomi dan penerapan ajaran Islam dalam sistem ekonomi negara.

Perdana Menteri menjelaskan, kejayaan Bank Islam bukan sahaja untuk kepentingan bank itu sendiri dan ekonomi negara, tetapi ada kaitan dengan masa depan orang Islam dan agama Islam sendiri.

"Jika bank ini gagal, maka kepercayaan bahawa Islam adalah sesuai untuk semua zaman dan lamadun akan lumpuh dan ini akan membawa kepada fikiran bahawa Islam tidak sesuai dengan kemajuan," tegasnya lagi.

Perdana Menteri berkata demikian ketika melancarkan operasi Bank Islam dan pembukaan caravang pertama bank itu di Jalan Raja Laut, di sini, hari ini. Majlis itu diartikan secara langsung oleh Radio Malaysia. Ucapan penuh beliau ditarkn di muka 6.

Turut hadir ialah Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Zulkifli Anwar Ibrahim, beberapa Menteri dan Timbalan Menteri, Syeikh Hatim Al-Qarasyawy, wakil Peratuan Bank-Bank Islam Antarabangsa, yang berpusat di Jeddah adalah termasuk juga majlis itu.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan bahawa penubuhan Bank Islam bukanlah satu manifestasi keagungan Islam atau satu usaha simbolik untuk mempromosikan keislaman negara ini.

Katanya, jika hendak membuktikan bahawa Bank Islam boleh memainkan peranan dalam ekonomi moden, maka adalah penting hanya memberi khidmat tanpa mengira aduan pelanggan-pelanggan.

Menurut beliau, hanya mereka yang mempunyai keyakinan yang terbahagi sahaja akan memikirkan bahawa Bank Islam adalah untuk orang Islam sahaja.

"Keislaman Bank Islam berans kepada cara pengurusan dan bukan kerana orang Islam menjadi pemilik atau pelanggan atau pengurus," tegasnya lagi.

Dasar kemudian dengan jaminan bahawa perubahan bank itu, sistem pengurusan bank-bank lain yang telah lama wujud di negara ini tidak dipisahkan.

"Kita tidak ada rancangan untuk memisahkan bank-bank lain kerana tidak semua penduduk negara ini Islam, malah sistem bank yang digunakan di seluruh dunia adalah beraksara kepada sistem bank perdagangan yang dinam-

kan sekarang," katanya lagi.

Katanya, walaupun Bank Islam boleh memainkan peranan untuk menguruskan perdagangan, tetapi bank-bank lain masih diperlukan dan Malaysia masih terus bergantung kepada perdagangan dengan seluruh dunia terutama dengan negara-negara bukan Islam.

"Harus diingat bahawa semua negara Islam masih menggunakan sistem bank perdagangan dan bank jenis inilah yang terbanyak sekali ditubuhkan sejak minyak menjadi punca kekayaan bagi beberapa buah negara Islam," katanya.

## Berubah

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, adanya bank-bank perdagangan di sesebuah negara tidak bermakna negara itu sudah tidak Islam, dan beliau juga adanya bank Islam tidak menjadikan sesebuah negara itu Islam.

Katanya, meskipun Bank Islam tidak ada di zaman Nabi Muhammad atau di zaman zaman Khalifah yang berikutnya, "tidak bermakna ia tidak boleh diadakan di zaman ini," tegasnya.



● Orang ramai bersekok-sesok untuk membuka akaun masing-masing sebak Bank Islam Malaysia Berhad di Kuala Lumpur memulakan operasinya, semalam. — Gambar BH oleh Mohd. Arif.

Kini, kata beliau, umat Islam menunaikan ibadah haji dengan kapal terbang dan dengan duit kertas, cek dan bekalan lain yang tidak ada di zaman Rasulullah. "Ini tidak bermakna kita tidak memulakan rukun Islam yang kelima," jelasnya.

Katanya, Bank Islam juga masih menepati ke-bendaq agama Islam di samping mengambil kira sistem kewangan dan kegiatan ekonomi yang sudah berubah.

Perdana Menteri berharap Bank Islam akan disambut baik oleh semua pihak terutama orang Islam yang ingin melihat umat Islam dan agama Islam berkembang bank maju dan kekal di hati penganut-penganutnya.

Bellau yakin jika sambutan terhadap Bank Islam memusnah, perkembangan bank ini akan lebih pesat dari yang diduga.

Sementara itu, lebih 2,000 orang telah membuka akaun bila bank itu memulakan operasinya hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir adalah orang pertama membuka akaun itu dengan membuat tabung berjumlah 500 dalam akaun gemasa.

● Muka 2 Ruang 7

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



● PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir sedang mengisi borang menjadi pelanggan pertama Bank Islam semalam.

## DARI MUKA SATU

Nombor akaunnya ialah 10010000104.

Orang ramai mula beresak-esak di luar bangunan bank itu sejak jam 2.00 petang. Ia memulakan perniagaan jam 2.30 petang dan menjelang jam 3.30 petang, kira-kira 1,000 orang telah membuka akaun masing-masing.

Pengawal-pengawal keselamatan tambahan terpaksa ditempatkan di pintu masuk bank itu bagi melicinkan perjalanan keluar masuk orang ramai.

Menurut seorang jurucakap bank, waktu per-

# Ramai desak Bank Islam buka cawangan2 baru

niagaan mungkin terpaksa dilanjutkan sehingga jam 6 petang ini memandangkan sambutan di luar dugaan dari orang ramai. Ia sepatutnya ditutup pada jam 4 petang.

"Kami tidak menduga sambutan dari orang ramai begini hebat sekali. Sebelum bank dibuka jam 2.30 petang tadi, orang ramai telah beresak-esak di luar," katanya.

Salah seorang dari mereka yang paling awal sekali membuka akaun di bank itu, Encik Ibrahim Ali menjelaskan, beliau tiba di bank itu kira-kira jam 2.00 petang sebaik sahaja selesai bersembahyang Jumaat.

Menurutnya, beliau telah lama berhasrat untuk membuka akaun dengan Bank Islam Malaysia Berhad sejak cadangan penubuhannya diumumkan oleh kerajaan tidak

lama dulu.

"Hari ini saya telah membuka akaun semasa dan tidak lama lagi saya berharap untuk membuka akaun simpanan pula," jelasnya.

Encik Ibrahim, seorang peniaga, juga berharap untuk membuka akaun perniagaannya di bank itu tidak lama lagi.

Seorang lagi ahli perniagaan, Encik Osman Bakar, berharap bank itu akan segera membuka pejabat-pejabat cawangannya di bandar-bandar utama di seluruh negara bagi kemudahan orang ramai yang berminat menjadi ahli.

Beliau yakin Bank Islam Malaysia Berhad akan menjadi nadi penggerak kepada perkembangan ekonomi umat Islam di negara ini.

Encik Chin Eo Chal, 29, pula berkata, beliau berminat menjadi ahli bank itu kerana tertarik

dengan konsep wadi'ah yang diamalkan oleh Bank Islam.

Beliau juga menolak anggapan setengah-setengah golongan yang berpendapat bahawa keahlian Bank Islam hanya terbuka kepada orang-orang Islam sahaja.